

PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA DI
KOLEJ KOMUNITI BUKIT BERUANG MELAKA: SATU KAJIAN KES

WAZLI BIN WATISIN

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran teori dan amali secara serentak di lapangan kerja sebenar. Walaupun kaedah ini telah lama dilaksanakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, namun di Malaysia ianya baru dilaksanakan pada tahun 2007 dan hanya melibatkan beberapa buah Kolej Komuniti. Namun begitu, Kolej Komuniti menghadapi beberapa masalah untuk melaksanakan kaedah pembelajaran PBK ini. Antara masalah tersebut ialah cabaran dari sudut hubungan dua-hala diantara Kolej Komuniti dan pihak industri yang menjalinkan kerjasama untuk melatih pelajar PBK. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka, memahami dan menjelaskan pelaksanaan program diploma PBK Rekaan Fesyen dan Apparel di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka Malaysia dengan menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu kaedah pelaksanaan, masalah dalam pelaksanaan dan punca berlakunya masalah tersebut. Bagi mencapai tujuan kajian, metodologi kajian kes kualitatif digunakan dan dijalankan di lapangan sebenar kajian iaitu Kolej Komuniti Bukit Beruang (KKBB) Melaka. Proses pengumpulan data di lapangan kajian dilaksanakan selama setahun menggunakan teknik temubual, pemerhatian, analisis dokumen dan penyelidikan sendiri bertindak sebagai instrumen utama kajian. Strategi persampelan menggunakan sampel variasi maksima, teknik persampelan 'snowball' dan jenis persampelan bertujuan. Analisis daripada data kajian menunjukkan bahawa berlaku beberapa masalah dalam pelaksanaan PBK di KKBB iaitu melibatkan tahap kepakaran yang rendah terhadap program PBK dikalangan pensyarah dan majikan, masalah hubungan dua-hala KKBB dan industri, masalah penilaian, masalah pengurusan dan kadar kemasukan pelajar yang semakin berkurangan. Berdasarkan kepada hasil analisis ini juga, satu kerangka konseptual kaedah pelaksanaan PBK dicadangkan sebagai panduan pelaksanaan PBK dan diharap dapat membantu Kolej Komuniti yang lain dalam pelaksanaan PBK

ABSTRACT

Work Based-learning (PBK) is a learning method which combines both theoretical and practical learning in a real field work. This method has been implemented in some developed countries such as the United States and the United Kingdom. In Malaysia, it was only recently implemented in 2007 and involved some community colleges. The problems faced by the community colleges in implementing the PBK is the two-way relationship between the community colleges and the industries which provide training to the PBK students. Therefore, the aim of this study is to explore, understand and explain PBK implementation in the community colleges in Malaysia. It focused on three aspects; the implementation of PBK, challenges and causes that contribute to the problems. This research used qualitative case study and is conducted in Bukit Beruang Community College (KKBB) Melaka. The collection of data has been carried out a year involving some techniques such as interviews, observations and documents analysis. The types of samplings used were the maximum variation sampling strategy, the snowball technique and the aim sampling. The findings of this research show some constraints in the PBK implementation at KKBB. The constraints involve the two-way relationship between KKBB and industries, assessment problems, management problems and thus discouraging student to enrol for the PBK programme. Based on the research findings, one conceptual framework is suggested as the PBK implementation guidance and is expected to help other community colleges in implementing the PBK programmes.

KANDUNGAN

TAJUK	iii
PENGAKUAN	iv
DEDIKASI	v
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL/SINGKATA/TATANAMA/ISTILAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB I	PENGENALAN
1.1	Pendahuluan 1
1.1.1	Sejarah Pendidikan di Malaysia 4
1.2	Latarbelakang Masalah 7
1.3	Penyataan Masalah 10
1.4	Persoalan Kajian 10
1.5	Tujuan Kajian 11

1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Skop Kajian	12
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Kerangka Teoritikal	13
BAB II	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Difinisi PBK	18
2.3	Konsep Asas PBK	20
2.4	Kelebihan Program Pengajian PBK	22
2.5	Cabaran Utama dalam Pelaksanaan PBK	23
2.6	Faktor Keberkesanan Pelaksanaan PBK	24
2.6.1	Peranan Pelajar dalam Pelaksanaan PBK	25
2.6.2	Peranan Majikan dalam Pelaksanaan PBK	26
2.6.3	Peranan Pendidik dalam Pelaksanaan PBK	27
2.7	Kolej Komuniti KPTM	28
2.7.1	Pelaksanaan PBK di Kolej Komuniti KPTM	30
2.7.2	Matlamat Pelaksanaan PBK di Kolej Komuniti KPTM	33
2.7.3	Program Diploma PBK Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB	34
	2.7.3.1 Penetapan Jumlah Kredit	35
	2.7.3.2 Pemarkahan dalam Rekaan Fesyen dan Apparel PBK di KKBB	35

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Rasional Pemilihan Kualitatif	40
3.4	Kajian Rintis	44
3.5	Persampelan	44
3.6	Latarbelakang Partisipan	47
3.7	Instrumen Kajian	48
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	52
3.8.1	Pemerhatian	52
3.8.2	Temubual	56
3.8.3	Analisis Dokumen	61
3.8.4	Kesahan Data	63
3.9	Analisis Data	64
3.10	Kesimpulan Bab	67
BAB IV	PELAKSANAAN PBK DI KKBB	
4.1	Pedahuluan	68
4.2	Pelaksanaan Program PBK Diploma Rekaan Fesyen dan Apperal di KKBB	69
4.2.1	Kolej Komuniti KPTM yang Menawarkan PBK	69
4.2.2	Kelayakan Memohon Diploma PBK Rekaan Fesyen dan Apperal	70
4.2.3	Sambutan Pelajar Terhadap Kursus PBK Diploma Rekaan Fesyen dan Apparel	72
4.2.4	Kebaikan Mengikuti PBK	74
4.2.4.1	Pekerja yang Menepati Kehendak Majikan	74
4.2.4.2	Melahirkan Ahli Perniagaan	80

4.2.5	Kaedah Penyediaan Silabus PBK Diploma	
	Rekaan Fesyen dan Apperal	83
	4.2.5.1 Pemilihan Syarikat	83
	4.2.5.2 Silabus Dibuat Bersama Syarikat	86
4.3	Pelaksanaan Program PBK	91
	4.3.1 Pemilihan Tenaga Pengajar di Industri	91
	4.3.2 Kaedah Pelaksanaan PBK semasa di Industri	94
4.4	Kaedah Penilaian dalam Program PBK	106
	4.4.1 Kaedah pemantauan	106
	4.4.2 Kaedah Pemarkahan	109

BAB V MASALAH DAN CABARAN PELAKSANAAN PBK

5.1	Pendahuluan	114
5.2	Cabaran Melaksanakan Program PBK	115
	5.2.1 Masalah Pengurusan	118
	5.2.2 Masalah Pembelajaran	125
	5.2.3 Masalah Pemantauan	134
	5.2.4 Masalah Pemarkahan	136
	5.2.5 Masalah Komitmen yang Diberikan Majikan	139
	5.2.5.1 Syarikat Menarik Diri	139
	5.2.5.2 Kos Mengajar dan Melatih Pelajar yang Tinggi	141
	5.2.5.3 Masalah Hubungan Dua Hala KKBB dan Majikan	142
	5.2.6 Program PBK Kurang Mendapat Sambutan Pelajar	145
	5.2.7 Pelajar Lulusan PBK Sukar Mendapat Pekerjaan	148
5.3	Punca Permasalahan yang Wujud dalam Pelaksanaan Program PBK	149

5.3.1	Pelaksanaan Dibuat Tanpa Perancangan Rapi	150
5.3.2	Ketiadaan Pakar Dalam Pelaksanaan Program PBK	151
5.3.2.1	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	151
5.3.2.2	KKBB	153
5.3.2.3	Tenaga Pengajar atau Majikan di Industri	155
5.4	Masa Depan Program PBK di KKBB yang Suram	157
5.5	Penambahbaikan yang Diperlukan dalam PBK di KKBB	159

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	161
6.2	Perbincangan	162
6.2.1	Pelaksanaan PBK di KKBB	162
6.2.2	Tujuan Pelaksanaan	163
6.2.3	Kaedah Penyediaan Silabus	164
6.2.4	Proses Pengajaran dan Pembelajaran Semasa di Industri	165
6.2.5	Kaedah Penilaian Terhadap Pelajar	166
6.3	Kekangan dan Cabaran Pelaksanaan Program PBK di KKBB	167
6.4	Punca Permasalahan	171
6.5	Kesimpulan	174
6.6	Cadangan Model Konseptual Pelaksanaan PBK di KKBB	175
6.6.1	Pemahaman	176
6.6.1.1	Pentadbiran KPTM	177
6.6.1.2	Penyelaras atau Pensyarah	178
6.6.1.3	Tenaga Pengajar Industri	178

6.6.1.4 Pelajar	179
6.6.2 Proses Pelaksanaan	179
6.6.3 Proses Penyelidikan	180
6.7 Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan Program PBKdi KKBB	181
6.7.1 Pensyarah dan Penyelaras	181
6.7.2 Tenaga Pengajar atau Majikan	182
6.7.3 KPTM	182
6.8 Cadangan Kajian akan Datang	183
RUJUKAN	184
LAMPIRAN	193
VITA	267

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Teoritik Jackson & Shaw (2002)	16
2.1	Model PBK Oregon	27
2.2	Struktur Program Diploma PBK	37
5.1	Model Konseptual 3P Pelaksanaan PBK	182

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ TATANAMA/ ISTILAH

PBK	-	Pembelajaran Berasaskan Kerja
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KKBB	-	Kolej Komuniti Bukit Beruang
RMK9	-	Rancangan Malaysia Kesembilan
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara
IKS	-	Industri Kecil Sederhana
EON	-	Edaran Automobil Nasional
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
MQA	-	Agensi Kelayakan Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	200
B	Surat Kebenaran Peserta Kajian	204
C	Contoh Soalan Temubual	207
D	Transkrip Temubual	210
E	Transkrip Pemerhatian	267

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelbagai bidang ilmu telah diterokai manusia sejak dari dulu sehingga telah meletakkan institusi ilmu dalam satu sistem yang tersendiri dan diuruskan secara profesional. Contohnya di negara kita menuntut ilmu atau pembelajaran diuruskan secara profesional di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Pelbagai kaedah pembelajaran telah diperkenalkan samaada melalui KPM atau KPTM bagi memastikan sistem pendidikan negara mencapai tahap yang membanggakan dan seterusnya melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara. (INTAN, 1991).

Pelbagai definisi tentang pembelajaran telah dikemukakan ramai ahli akademik tetapi penyelidik tertarik dengan definisi yang diberikan oleh Nik Azis (1994), beliau menyatakan bahawa pembelajaran adalah satu pengambaran yang berpanjangan dan tidak ada cara singkat, kaedah pendek, teknik ringkas, atau jalan pintas untuk menjadi insan yang pintar cerdas. Oleh itu, pelbagai kaedah pembelajaran telah diadaptasikan dalam dunia pendidikan untuk melahirkan para

graduan yang memenuhi kehendak industri semasa terutamanya dalam institusi pendidikan Teknik dan Vokasional. Pada bulan Febuari tahun 2007, Bahagian Kolej Komuniti KPTM telah melaksanakan satu sistem pembelajaran yang dianggap baru di negara kita iaitu Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) peringkat diploma. PBK merupakan satu kaedah pembelajaran yang memberikan pengalaman besar kepada pelajar dan memberi mereka peluang lebih luas untuk menempatkan diri dalam bidang industri yang mereka ceburi.

PBK di Kolej Komuniti adalah satu langkah positif kearah merealisasikan wawasan 2020 yang mana memerlukan jumlah tenaga kerja mahir yang tinggi. Bertepatan dengan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) yang memerlukan ramai tenaga mahir dalam pelbagai bidang untuk menjayakan RMK9 dan seterusnya bergerak kearah Wawasan 2020. Pelaksanaan PBK pada peringkat Kolej Komuniti adalah untuk menyahut gagasan kerajaan dan seterusnya memenuhi keperluan modal insan yang diperlukan negara untuk mencapai status negara maju. PBK memerlukan kesungguhan dalam pelaksanaannya dan kerjasama daripada semua pihak untuk memastikan pelaksanaannya mencapai kejayaan. Menurut Nik Aziz (1999), bulatan kejayaan membabitkan empat langkah yang mudah, iaitu menentukan langkah pertama, merancang langkah pertama, menjalankan langkah pertama, dan menilai pencapaian langkah pertama. Setiap langkah membawa kita 1/4 jalan ke arah mengelilingi bulatan kejayaan. Usaha menentukan sesuatu yang hendak dilakukan dan membuat pelan tindakan yang sewajarnya membawa kita 1/2 jalan ke arah melengkap bulatan kejayaan dengan sempurna. Menurut beliau lagi, kesediaan memaksimumkan penggunaan masa dan tenaga untuk melakukan aktiviti yang dirancang secara sistematik serta berlandaskan satu sistem nilai hidup yang murni adalah rumusan terbaik mencapai kejayaan.

RMK9 memerlukan sejumlah besar tenaga kerja mahir untuk melaksanakannya dan kearah merealisasikan wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Laporan RMK9 menyebut bahawa terdapat keperluan pusat pengajian tinggi untuk melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri semasa. Bagi menyahut saranan dalam RMK 9, pelaksanaan PBK di Kolej Komuniti KPTM merupakan satu langkah bijak untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir yang diperlukan dalam RMK9. Persekitaran ekonomi moden yang penuh dengan persaingan memerlukan tenaga kerja mahir yang tinggi sedangkan menurut Bloom *et al.* (2004), masalah kekurangan tenaga kerja mahir dari sudut endemik, sistematik

dan budaya masih kurang. Kajian yang dilakukan penyelidik ini adalah berkisarkan tentang pelaksanaan program PBK di KKBB. Sebelum penyelidik melangkah dengan lebih jauh dalam kajian ini, penyelidik ingin berkongsi sedikit tentang sejarah perkembangan sistem pendidikan di Malaysia iaitu sebelum merdeka dan selepas kemerdekaan negara sehingga wujudnya pelbagai kaedah pembelajaran yang terkini termasuk kaedah PBK yang dilaksanakan bermula dari tahun 2007.

1.1.1 Sejarah Pendidikan di Malaysia

Sejarah pendidikan di Malaysia meliputi dua fasa iaitu sebelum merdeka dan selepas merdeka (Amir Hasan Dawi, 2002). Dua fasa tentang pendidikan di Malaysia ini merupakan perintis kepada sistem pendidikan negara yang ada pada masa kini. Penambahbaikan demi penambahbaikan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara akhirnya telah mewujudkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia yang digunapakai pada masa kini dalam bidang pendidikan negara. Bidang pendidikan memainkan pelbagai peranan untuk menjana kemajuan sesebuah negara. Hussein Hj Ahmad (1993) telah menyenaraikan beberapa fungsi umum pendidikan iaitu sebagai penyalur budaya dan ilmu, penyalur kemahiran dan ketrampilan, penyalur kepercayaan dan sistem nilai, persediaan untuk alam pekerjaan, pengawasan belia, remaja dan kanak-kanak dan perhubungan rakan sebaya.

Pendidikan sebelum merdeka di negara kita adalah jauh berbeza dengan sistem pendidikan yang ada pada zaman sekarang. Amir Hasan Dawi (2002) menyatakan bahawa sebelum kemerdekaan, pendidikan di Tanah Melayu berbeza mengikut etnik serta polisi kolonial yang komplemen kepada identifikasi dan ianya dapat dibezakan berdasarkan bahasa yang digunakan. Menurut beliau, ianya adalah sekolah aliran bahasa Melayu, aliran bahasa Cina, aliran bahasa Tamil dan sekolah Inggeris. Menjelang kemerdekaan pada tahun 1957, perjuangan untuk mencipta sistem pendidikan nasional bukan perkara yang mudah. Reaksi terhadap Penyata Barnes boleh dijadikan contoh bagaimana sukarnya untuk memuaskan hati setiap kumpulan etnik. Laporan Barnes telah mencadangkan sistem pendidikan kebangsaan yang memberikan pendidikan rendah percuma kepada semua kumpulan etnik berumur enam ke dua belas tahun. Pendidikan mengikut sistem bilingual, iaitu mencadangkan bantuan kewangan kerajaan kepada sekolah-sekolah Cina dan Tamil ditarik balik supaya tidak menggalakkan perkembangannya dan juga untuk menghentikan sistem persekolahan komunal (Chai 1977:21). Cadangan ini mendapat bantahan daripada etnik Cina yang mendakwa Penyata Barnes akan menghapuskan sekolah-sekolah Cina. Penyata itu juga dianggap bertujuan untuk menekan atau mendiskriminasikan kebudayaan mereka dan orang Melayu secara umum masih kekal jauh ketinggalan dalam lapangan ekonomi terutamanya kerana tiga faktor iaitu kedudukan mereka yang tinggal di luar Bandar, akses yang terhad

kepada pendidikan serta kelewatan mereka memasuki sektor-sektor moden (Amir Hasan Dawi, 2002).

Berikutan tragedi yang dinyatakan oleh Amir Hasan Dawi, kerajaan telah merancang strategi jangka panjang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan hubungan antara etnik. Ideologi negara iaitu Rukun Negara telah diperkenalkan pada tahun 1970. Matlamat Rukun Negara adalah untuk mencapai negara bersatu dalam masyarakat plural, ketaatan kepada negara, masyarakat yang adil dengan kesamaan peluang, masyarakat yang liberal dengan kepelbagaian budaya dan masyarakat progresif yang diorientasikan ke arah sains dan teknologi moden (Information Ministry, 1969). Kenyataan daripada Information Ministry dan Amir Hasan Dawi tersebut menunjukkan bahawa pendidikan memainkan peranan yang penting dalam mencapai perpaduan nasional dan mencapai perpaduan kebangsaan. Beliau menambah bahawa antara polisi penting pendidikan ialah perubahan kepada aliran Inggeris kepada penggunaan sepenuhnya Bahasa Melayu daripada peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti.

Berpandukan Laporan Jawatankuasa Kabinet pula, polisi pendidikan untuk tahun 1980-an telah menggariskan matlamat-matlamat yang lebih spesifik. Matlamat pendidikan kebangsaan Malaysia telah digariskan untuk mencapai perpaduan nasional, menghasilkan tenaga kerja berkualiti kepada pembangunan negara, mencapai pendemokrasian pendidikan dan menanamkan nilai-nilai positif (EPRD, 1993). Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah dilancarkan pada tahun 1988 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990)

Tahun 1990-an merupakan penghujung abad ke-20, seluruh dunia telah begitu ghairah menyambut kedatangan abad baru. Tidak terkecuali dengan bidang pendidikan di Malaysia bilamana tahun 1990-an dilihat sebagai penting untuk menyediakan diri menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21 (Amir Hasan Dawi, 2002). Beliau menambah bahawa Malaysia telah melihat jauh ke hadapan melalui wawasan 2020 yang mula diketengahkan pada februari 1991. Melalui wawasan 2020 ini juga pelbagai pembaharuan dalam sistem pendidikan negara diperkenalkan demi untuk mencapai wawasan tersebut.

Sebagaimana yang berlaku sebelum ini, ideologi yang dimanifestasikan dalam wawasan 2020 tidak lari daripada matlamat utama mencapai perpaduan negara. Ini jelas terbukti dalam cabaran-cabaran pertama, kelima dan kelapan wawasan 2020. Cabaran pertama menyatakan bahawa “mewujudkan negara

Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, berkerjasama sepenuhnya, secara adil dan disokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara”. Cabaran kelima pula berbunyi “mewujudkan masyarakat yang liberal dan bertolak-ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara”. Cabaran kelapan pula adalah “...pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama...masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum”. (INTAN, 1994).

Secara ringkasnya, peranan sistem pendidikan hingga akhir 1980-an merupakan tiga perkara utama. Pertamanya pendidikan untuk menyediakan tenaga kerja negara. Kedua, pendidikan sebagai asas perpaduan kaum. Ketiga, pendidikan adalah untuk pembinaan disiplin dikalangan rakyat berbilang kaum. Jomo (1991) menyatakan bahawa di Malaysia, peranan pendidikan dalam menyediakan tenaga kerja yang pasif dan berdisiplin amat penting. Menurutnya pendidikan untuk anak Melayu sangat berkesan untuk menjadikan mereka pekerja yang berdisiplin dan patuh kepada pihak atasan. Tahap pendidikan rakyat merupakan salah satu penanda aras dalam menentukan kemajuan sesebuah negara. Amir Hasan Dawi (2002) menyatakan bahawa negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kindom, Australia dan Jepun mempunyai tahap literasi yang tinggi dan menjadikan pendidikan sebagai sumber pendapatan negara.

Rentetan daripada kronologi ringkas tentang sejarah pendidikan di Malaysia, bermula dari pendidikan sebelum kemerdekaan sehingga ke hari ini telah mewujudkan pelbagai kaedah pembelajaran yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan tujuan memartabatkan tahap pendidikan negara. Antaranya ialah pelancaran program Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) pada Februari 2007 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Program pembelajaran tersebut telah menarik minat penyelidik untuk melakukan penyelidikan berdasarkan beberapa persoalan kajian yang diwujudkan.

1.2 Latar belakang Masalah

Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun dan menuju negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri menerusi satu wawasan iaitu Wawasan 2020. Mantan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi (2006, 31 Mac) memaklumkan bahawa banyak cabaran dan halangan yang menanti untuk merealisasikan impian Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Penglibatan bersepadu semua pihak harus digembeling agar impian menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mampu dicapai dan menjadi realiti. Mengikut laporan yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Ke-5 (2006, 31 Mac) dalam RMK 9, terdapat sejumlah 597,384 tenaga mahir yang mampu dilahirkan institusi latihan di seluruh negara dan 4.8 juta tempat disediakan untuk pekerja menjalani latihan bagi meningkatkan kemahiran sedia ada. Laporan RMK 9 juga menyebut perlunya pusat pengajian tinggi terutama universiti awam dan swasta melahirkan graduan dengan kemahiran seiring dengan perkembangan industri supaya dapat memenuhi kehendak industri semasa.

Abdullah Ahmad Badawi (2006, 31 Mac) mahu tahap kemahiran tenaga kerja tempatan sentiasa ditingkatkan dan setanding negara maju dari segi kualiti serta produk yang dihasilkan. Bagi memenuhi tujuan itu, kajian yang dijalankan perlu memastikan latihan dalam pendidikan sesuai dengan kehendak industri semasa dan keperluan negara. Beliau berkata, semua pihak perlu akur dalam keadaan dunia yang pesat membangun, perkara yang relevan dan memenuhi kehendak industri semalam tidak semestinya relevan serta memenuhi keperluan industri hari ini. Persaingan yang mencabar adalah budaya yang patut diterapkan, iaitu tidak menerima mutu kerja atau perkhidmatan yang rendah mutunya daripada piawaian yang ditetapkan. Beliau menyatakan lagi bahawa penjenamaan semula Kolej Komuniti melalui penyediaan kursus diperingkat diploma, menubuhkan Kolej Komuniti baru dan mengiatkan kolaborasi dengan syarikat swasta merupakan langkah kearah menyahut gagasan kerajaan. Beliau menambah, merealisasikan impian Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju memerlukan tenaga mahir profesional dengan kadar jumlah yang tinggi. Sedangkan jumlah tenaga mahir profesional belum mencapai jumlah separuh daripada jumlah yang diperlukan negara.

Gesaan dan saranan daripada mantan Perdana Menteri kelima yang menginginkan ramai tenaga kerja mahir bagi memenuhi kekurangan tenaga kerja mahir negara, seolah-olah kita tidak mempunyai graduan yang mampu mengisi kekurangan ini. Tetapi Nik Mustapha R. Abdullah (2007) menyatakan bahawa negara kita Malaysia pada awal tahun 2006, terdapat 24 608 (41.5%) graduan benar-benar menganggur dan 36 642 (58.5%) bekerja sementara atau jawatan yang tidak setaraf dengan kelulusan yang dimiliki dan ini disebabkan oleh kurang pengalaman kerja, kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris, dan bidang yang diambil tidak mempunyai pasaran dalam industri. Beliau menyatakan lagi, seharusnya IPT menawarkan satu program akademik yang menepati ciri modal insan yang dihasratkan. Menjadi persoalannya ialah, kemana graduan yang menganggur tersebut? Adakah mereka tidak menepati kriteria sebagai tenaga kerja mahir seperti yang dikehendaki negara? Sehingga saban tahun pekerja asing berduyun-duyun memasuki negara kita untuk memenuhi permintaan dari segi tenaga kerja.

Masalah kekurangan tenaga kerja berpengalaman merupakan isu global kerana menurut Bloom *et al.* (2004), graduan muda atau baru tidak mempunyai kemahiran kerja seperti yang dikehendaki industri menyebabkan mereka sukar mendapatkan pekerjaan kerana terpaksa bersaing dengan pekerja lama yang lebih berpengalaman. Disebabkan itu industri lebih mengutamakan golongan pekerja lama yang lebih berkemahiran dan berpengalaman. Campbell *et al.* (2001) pula menyatakan bahawa perkara yang membimbangkan adalah jurang perbezaan kemahiran diantara pekerja tua dan muda di mana pekerja tua secara purata mempunyai kemahiran tahap 2 dan tahap 3 sedangkan pekerja muda jarang yang memiliki tahap kemahiran. Menurut Campbell *et al.* (2001) lagi, graduan baru memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja sebenar kerana pembelajaran biasa hanya dari segi teori dan amali yang sedikit sedangkan suasana kerja sebenar tidak didedahkan terhadap pelajar. Mereka hanya terdedah kepada suasana kerja sebenar selepas berada di alam pekerjaan dan menyebabkan kualiti kerja di kalangan graduan baru kurang memberangsangkan. Imel (1999) menyatakan bahawa pendidik yang bijak akan melibatkan pelajar dengan pembelajaran dalam kelas yang menitikberatkan pengalaman `kehidupan sebenar, kerja dan amali` dan menghubungkannya ke dunia luar. The American Federation of Teacher (1999) menyatakan bahawa persediaan pelajar untuk kehidupan selepas alam pembelajaran adalah sangat penting. Pernyataan tersebut menunjukkan betapa pentingnya

persediaan pelajar untuk menempuh alam pekerjaan. Institusi pendidikan mempunyai peranan yang besar untuk mendedahkan pengalaman dan persediaan kepada pelajar supaya mereka keluar sebagai seorang graduan yang kompeten.

Sebagai sahutan kepada saranan mantan Perdana Menteri kelima tersebut, KPTM mengumumkan kementeriaannya melancarkan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi awal tahun 2007 bagi melahirkan graduan berkualiti untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pelan tindakan tersebut memperincikan langkah melahirkan modal insan berkualiti bagi memenuhi Misi Nasional seperti digariskan dalam RMK 9.

Pelan ini digubal bagi melahirkan modal insan untuk menyokong teras misi nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama (KPTM, 2007).

Susulan daripada Pelan Tindakan pengajian Tinggi tersebut, Bahagian Kolej Komuniti dan Politeknik di bawah seliaan KPTM dipertanggungjawabkan untuk membangunkan modal insan seperti yang dikehendaki negara (Abdul Rahim *et al.*, 2007). Menurut Abdul Rahim *et al.* (2007) lagi, satu program baru telah diperkenalkan di Kolej Komuniti iaitu Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) dan pada peringkat awal pelaksanaan bermula julai 2007 sebelas buah Kolej komuniti yang terlibat. Pelaksanaan PBK melibatkan pihak swasta untuk memberikan latihan terhadap pelajar selama setahun atau dua semester (Abdul Rahim *et al.*, 2007). Persoalannya adalah, bagaimanakah kaedah pelaksanaan PBK? Adakah ianya mampu melahirkan graduan yang kompeten dan mampu mengisi kekosongan tenaga kerja mahir sepertimana yang dikehendaki negara? Disebabkan pelaksanaan PBK melibatkan pihak industri, cabaran utama dalam pelaksanaannya adalah melibatkan komitmen yang diberikan pihak industri sepanjang pelaksanaan PBK (David Johnson, 2001). Salah sebuah Kolej Komuniti tersebut adalah Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka (KKBB) yang menawarkan kursus diploma Rekaan Fesyen dan Aperl dan telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa Industri Kecil Sederhana (IKS). Berdasarkan daripada fenomena yang dinyatakan penyelidik dalam latarbelakang masalah kajian, penyelidik telah mengupas latarbelakang masalah tersebut dengan lebih terperinci pada penyataan masalah berikutnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka adalah kesinambungan daripada saranan dalam RMK-9 dan tuntutan dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi yang menginginkan Kolej Komuniti terlibat dalam menjana modal insan yang diperlukan negara bagi mencapai wawasan 2020 seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan. Pelaksanaan PBK mempunyai pelbagai cabaran kerana pelaksanaannya melibatkan bukan hanya institusi pendidikan tetapi juga pihak industri. Masalah yang timbul adalah melibatkan komitmen dan kerjasama hubungan dua-hala diantara institusi pendidikan dengan pihak industri sepanjang menjalinkan kerjasama dalam pelaksanaan PBK. Ketidakmampuan pihak industri untuk memberikan komitmen terbaik dan kegagalan institusi pendidikan mewujudkan situasi menang-menang dalam kerjasama hubungan dua hala dengan pihak industri merupakan permasalahan utama yang berlaku dalam pelaksanaan PBK. Komitmen pihak industri dan situasi menang-menang merupakan faktor penting bagi kejayaan pelaksanaan PBK. Permasalahan ini dijangka wujud dalam program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka kerana PBK di Kolej Komuniti ini masih di peringkat awal pelaksanaan iaitu baru bermula pada 2007 sedangkan PBK yang telah bertapak lama di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat masih mengalami masalah tersebut. Satu kajian tentang pelaksanaan program PBK di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka dijalankan untuk menerokai kaedah pelaksanaannya dari sudut pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di industri, masalah yang dihadapi dan punca masalah tersebut bagi mengetahui situasi sebenar yang berlaku dalam pelaksanaan PBK di KKBB secara terperinci. Ianya meliputi komitmen majikan, hubungan dua hala KKBB dan majikan serta peranan PBK untuk melahirkan pelajar yang kompeten dan seterusnya mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir negara. Cadangan penambahbaikan dirangka bagi meningkatkan lagi kualiti pelaksanaannya di KKBB agar matlamat pelaksanaan PBK tercapai seperti yang telah digariskan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan yang diutarakan penyelidik adalah untuk mengariskan fokus terhadap kajian yang dilakukan bagi memudahkan penyelidik merangka kerangka kajian, jenis kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpulkan data dan proses pengurusan data, seterusnya menjawab persoalan kajian serta mencapai tujuan kajian. Persoalan kajian tersebut adalah merangkumi tiga persoalan utama. Persoalan pertama mempunyai empat sub persoalan dan mempunyai kesinambungan diantara satu sama lain. Persoalan kajian tersebut ialah:

- i. Bagaimanakah pelaksanaan PBK kursus diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB?
 - ia. Bagaimana sambutan pelajar terhadap program PBK?
 - ib. Bagaimanakah kaedah penyediaan silibus PBK di KKBB?
 - ic. Bagaimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran semasa pelajar PBK berada di industri?
 - id. Bagaimana komitmen yang diberikan pihak majikan sepanjang menjalinkan kerjasama PBK dengan KKBB?
- ii. Bagaimana cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan PBK di KKBB meliputi pengurusan, pembelajaran, pemantauan, pemarkahan dan kebolehkejaan pelajar lepasan PBK?
- iii. Mengapakah cabaran tersebut berlaku?

1.5 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk menerokai, memahami dan menjelaskan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran semasa pelajar berada di industri, kaedah penyediaan silibus PBK, cabaran pelaksanaan PBK meliputi pengurusan, pembelajaran, pemantauan dan pemarkahan. Penerokaan juga meliputi komitmen yang diberikan pihak majikan semasa mengajar pelajar PBK, sambutan pelajar PBK dan punca terhadap setiap masalah yang berlaku dalam pelaksanaannya.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap memberikan impak yang positif dalam pelaksanaan PBK dan memberikan gambaran sebenar pelaksanaan PBK khususnya di KKBB dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia amnya. Gambaran sebenar tentang pelaksanaan PBK di KKBB, dapatan tentang masalah yang dihadapi dan punca masalah tersebut telah mewujudkan satu kerangka konseptual pelaksanaan PBK yang ideal serta memberikan jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Dapatan kajian juga diharap dapat menyumbang terhadap penulisan ilmiah yang boleh dijadikan rujukan untuk penyelidik akan datang di institusi pengajian terutamanya di UTHM.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka (KKBB) dalam kursus diploma Rekaan Fesyen dan Apperal. Kolej Komuniti Bukit Beruang (KKBB) dipilih kerana yang pertama, KKBB merupakan salah sebuah Kolej Komuniti yang terlibat dalam program pelaksanaan PBK di kolej komuniti di bawah seliaan KPTM. Kedua, KKBB merupakan Kolej Komuniti yang menjalinkan kerjasama dengan syarikat kecil sederhana (IKS) yang mana syarikat tersebut tidak mempunyai sumber kewangangan yang besar untuk memberikan latihan kepada pelajar PBK dan komitmen pihak industri tentunya tidak dapat diberikan sepenuhnya kepada PBK kerana mempunyai komitmen yang tinggi dalam syarikat. Situasi tersebut menarik minat penyelidik untuk menjalankan kajian. Partisipan adalah dikalangan pensyarah seramai dua orang, dua orang tenaga pengajar di syarikat yang terlibat dengan program PBK dan dua orang penuntut diploma Rekaan Fesyen dan Apperal. Pemilihan partisipan seramai enam orang kerana data yang telah disumbangkan partisipan tersebut telah mampu menjawab persoalan kajian. Partisipan yang dipilih dari tiga latarbelakang yang berbeza iaitu pensyarah, majikan dan pelajar adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang kaya dari tiga sudut berbeza. Kajian ini memberi fokus kepada beberapa bahagian iaitu yang pertama, penyelidik memfokuskan kajian kepada hanya sebuah Kolej Komuniti yang menawarkan kursus diploma Rekaan Fesyen dan Apperal iaitu Kolej Komuniti Bukit

Beruang Melaka. Kedua, Fokus kepada pelaksanaan program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka. Bahagian ini memfokuskan kepada kaedah pelaksanaan program PBK di KKBB meliputi penyediaan silibus, kebaikan PBK, kaedah pembelajaran semasa di industri dan kaedah penilaian. Ketiga, fokus seterusnya adalah menumpukan kepada kekangan dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PBK di KKBB. Bahagian ini memberikan fokus terhadap masalah pengurusan, masalah pembelajaran di industri, masalah industri yang terlibat, sambutan pelajar terhadap PBK, masalah hubungan dua hala KKBB dan industri dan masa depan PBK. Ketiga, memberikan fokus kepada punca kepada segala masalah yang wujud dalam pelaksanaan PBK.

1.8 Batasan Kajian


Kajian ini terbatas kepada sebuah Kolej Komuniti serta satu kursus sahaja iaitu Rekaan Fesyen dan Apparel. Oleh itu, ianya tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan fenomena sebenar pelaksanaan PBK untuk semua Kolej Komuniti di Malaysia. Kajian ini juga terhad kepada beberapa partisipan yang benar-benar mahir dalam program PBK kerana program ini masih terlalu baru di Malaysia dan individu yang benar-benar pakar dalam bidang ini masih kurang. Majikan yang terlibat dengan PBK juga kurang berminat melibatkan diri dalam kajian. Selain daripada itu, kekangan dari segi masa dan kos juga menjadi faktor.

1.9 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoretikal dalam penyelidikan kualitatif adalah berbeza dengan kerangka teoretikal dalam penyelidikan kuantitatif kerana dalam penyelidikan kualitatif, kerangka teoretikal hanya dijadikan sebagai garis panduan bersesuaian dengan konsepnya yang membina hipotesis dan bukan menguji hipotesis bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Paton (1990), Merriam (2001) dan Othman Lebar (2006) yang mengatakan kualitatif adalah membina hipotesis dan bukan untuk menguji hipotesis. Oleh kerana method yang digunakan dalam kajian ini adalah method

kualitatif sepenuhnya, penyelidik menggunakan kerangka teoretikal daripada Jackson dan Shaw (2002) hanya sebagai garis panduan.

Pemilihan kerangka teoretikal Jackson dan Shaw (2002) adalah berdasarkan konsep yang wujud dalam teori ini yang bertepatan digunakan sebagai garis panduan untuk menerokai pelaksanaan PBK serta menjawab persoalan kajian. Penyelidik mengambil lima teori dalam kerangka teoretikal Jackson dan Shaw (2002) iaitu matlamat pembelajaran, kandungan, konsepsi falsafah rasional, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan penilaian pelajar. Kajian tentang pelaksanaan PBK di KKBB adalah berlandaskan lima teori tersebut. Penyelidik menerangkan setiap teori ini berdasarkan penerangan asal Jackson dan Shaw (2002) serta penerangan dari penyelidik sendiri.



Rajah 1.1 : Kerangka Teoritikal Jackson & Shaw (2002)

Matlamat pembelajaran PBK adalah bertujuan untuk mewujudkan kemahiran dan kecekapan terhadap pelajar sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan (Jackson dan Shaw, 2002). Pelajar perlu kompeten dalam bidang yang diambil sepertimana yang dikehendaki pihak majikan. Selepas menjalani program pengajian PBK, pelajar mampu menjadi pekerja yang berkemahiran dan mempunyai tahap

keboleherjaan yang tinggi. Dalam kajian ini, penyelidik mengupas matlamat dalam pelaksanaan PBK berdasarkan kajian terdahulu dan matlamat PBK di Kolej Komuniti KPTM dan khususnya di KKBB.

Bagi Jackson dan Shaw (2002), kandungan dalam kerangka teoretikal ini bermaksud pendidik atau majikan. Pendidik dan majikan ini perlu berazam untuk memberikan yang terbaik dalam PBK bagi memastikan pelajar memperoleh kemahiran yang mereka perlukan untuk menghadapi alam pekerjaan. Dalam konteks ini, penyelidik melakukan kajian dari sudut komitmen yang diberikan pihak majikan sepanjang menjalankan kerjasama dalam PBK. Penyelidik menerokai kaedah pengajaran dan pembelajaran program PBK di industri yang mana telah menemukan peranan pensyarah dan majikan terhadap kemahiran yang diperolehi pelajar PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB untuk menempuh alam pekerjaan.

Konsep falsafah rasional adalah satu kaedah mengekalkan keadaan semasa supaya kurikulum dan silibus sesuai dengan tujuan PBK (Jackson dan Shaw, 2002). Dalam konsep falsafah rasional, penambahbaikan terhadap kurikulum dan silibus perlu sentiasa dilakukan bagi memastikan kurikulum dan silabus tersebut sentiasa relevan dengan kehendak industry semasa. Berdasarkan pernyataan teori tersebut, penyelidik telah membuat kajian terhadap kaedah penyediaan silabus. Dapatan kajian telah merungkai kaedah yang digunakan pihak KKBB untuk memastikan silibus yang digunakan dalam PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel sesuai dengan perubahan semasa dalam dunia fesyen.

Dalam konsep pengajaran dan pembelajaran PBK, Jackson dan Shaw(2002) mengatakan ianya harus meliputi perkara mengajar, musim, simulasi, bimbingan kursus dan bayangan. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dalam PBK perlu wujud proses mengajar, termasuk majikan di industri. Majikan juga berperanan menjalankan pengajaran bilik kuliah terhadap pelajar. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut perlu bermusim atau mengikut semester dan perlu wujud bahan atau alat bantu mengajar seperti simulasi dan bimbingan kursus. Melalui kerangka teoritikal ini, penyelidik telah mengkaji kaedah pengajaran dan pembelajaran program PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB Melaka.

Penilaian pelajar adalah untuk menilai tahap kemahiran dan menguatkan lagi atau menambah pengalaman pelajar (Jackson dan Shaw, 2002). Proses pengajaran dan pembelajaran serta amali yang telah dilalui oleh pelajar perlu melalui proses

penilaian supaya kualiti pembelajaran dan amali yang dipelajari dapat dijaga dan diukur. Kajian adalah meliputi kaedah penilaian yang digunakan untuk menilai pelajar PBK diploma Rekaan Fesyen dan Apparel di KKBB semasa menjalani pembelajaran di industri.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dikemukakan di dalam bab I, kajian yang dijalankan adalah berbentuk penerokaan atau dijalankan dalam bentuk penyelidikan kualitatif. Merriam (2001) menyatakan bahawa walaupun kajian literatur dalam penyelidikan kualitatif menjadi isu tentang perlu atau tidak dikalangan penyelidik kualitatif, tetapi beliau menyarankan supaya penyelidik membuat sedikit literatur tentang tajuk yang dijalankan kerana ianya memudahkan penyelidik memahami secara asas tentang tajuk penyelidikan yang dilakukan. Walaupun demikian, segelintir penyelidik kualitatif tidak melakukan literatur bagi mengelakkan mempengaruhi dapatan kajian (Othman Lebar, 2006), tetapi beliau menyarankan supaya penyelidik melakukan sedikit kajian literatur supaya penyelidik mempunyai pengetahuan tentang kajian yang dilakukan. Penyelidik bersetuju dengan kedua-dua kenyataan Merriam dan Othman Lebar di mana penyelidik telah melakukan literatur bagi memudahkan pemahaman secara asas tentang tajuk kajian iaitu Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK). Walaubagaimanapun, penyelidik hanya menjadikan literatur ini sebagai asas pemahaman dan tidak menjadikannya sebagai landasan dalam penyelidikan.

Bab ini, penyelidik mengupas tentang sejarah ringkas tentang konsep PBK, sejarah PBK di luar negara dan di Malaysia sendiri serta pelbagai isu yang berkaitan dengan PBK yang meliputi pelaksanaannya, masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan dan punca berlakunya masalah tersebut. Penyelidik juga mengupas kepentingan PBK pada era pembelajaran dunia kini. Secara amnya, PBK ialah satu

konsep di mana pembelajaran diadaptasikan dengan keadaan sebenar di tempat kerja contohnya di industri-industri yang berkenaan. Abdul Rahim *et. all* (2007) menyatakan PBK adalah program kerjasama yang menyarankan Kolej Komuniti dengan industri untuk menyatupadukan konsep teori dalam pembelajaran dan latihan praktikal yang berlandaskan lapangan kerja sebenar. Di Malaysia, PBK adalah satu projek kerjasama di antara Kolej Komuniti dan industri-industri seperti EON, NAZA dan sebagainya yang menawarkan program diploma kepada pelajar lepasan sijil Kolej Komuniti di mana meletakkan pelajar selama dua semester atau setahun di industri. Sebelum melihat dengan lebih lanjut tentang PBK, penyelidik ingin mengupas secara ringkas tentang definisi PBK.

2.2 Definisi PBK

Sebelum menerangkan lebih lanjut tentang PBK, ada baiknya penyelidik menerangkan dahulu serba ringkas tentang definisi PBK bagi memudahkan pemahaman pada peringkat yang seterusnya. Merriam (2001) menyatakan bahawa mengetahui serba sedikit tentang tajuk penyelidikan kualitatif dapat memudahkan kerja lapangan. Perkara tersebut telah menjadi pegangan penyelidik sepanjang kajian ini dijalankan. Berdasarkan pembacaan penyelidik terhadap jurnal dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu, penyelidik telah mengambil beberapa definisi yang popular tentang PBK dan sesuai dengan fenomena kajian. Ini kerana penyelidik mendapati definisi tentang PBK di kalangan ahli akademik mempunyai maksud yang hampir sama cuma disampaikan dalam gaya bahasa yang berbeza.

Antara definisi popular penyelidik terdahulu tentang PBK ialah definisi yang diberikan oleh Anne C Lewis (2004), beliau menyatakan bahawa Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) merupakan satu kaedah pembelajaran yang jelas memberikan pengalaman yang besar kepada pelajar dan memberikan mereka peluang yang lebih luas untuk menempatkan diri dalam bidang industri yang mereka ceburi. Seagraves *et al* (1996) pula mendefinisikan PBK ini sebagai pembelajaran yang menghubungkan keperluan bidang pekerjaan, pembelajaran kerja, pembelajaran di tempat kerja dan pembelajaran melalui kerja. Bagi David Johnson (2001) pula,

beliau mendefinisikan PBK sebagai pembelajaran melalui kerja dengan seliaan mentor.

Berdasarkan Iowa Education Department (2002), PBK boleh didefinisikan sebagai suatu perancangan dan hubungan pengalaman di bilik darjah dengan jangkakan realiti di alam pekerjaan di mana pengalaman PBK ini menyediakan pelajar kepada peluang pembangunan pengetahuan, kemahiran, sikap kebolehkeraan yang mendorong kepada pengetahuan pemilihan kerjaya yang lebih jelas. Merujuk kepada definisi yang diberikan, terdapat beberapa kata kunci penting yang terlibat dalam pengertian PBK iaitu pertama, hubungan integrasi antara akademik dan pembangunan kerjaya dilapangan. Kedua, pemilihan kerjaya yang lebih jelas membolehkan pelajar meneliti bidang-bidang kerjaya yang boleh diceburi, mengenal pasti minat, menetap sasaran kerjaya, membina kemahiran dan memahami keperluan bidang kerjaya pada masa akan datang dan yang ketiga ialah sikap kebolehkeraan yang menerapkan sikap menepati masa, kemahiran komunikasi, kejujuran, kerja berpasukan, kualiti orientasi dan orientasi pelanggan. Kurikulum yang dibina haruslah melibatkan rakan perniagaan, pekerja, industri, pendidikan dan komuniti.

Sebuah pertubuhan yang aktif di Amerika syarikat dalam mengkaji pelbagai masalah dalam dunia pendidikan iaitu United States 103rd Congress (1994) mengketengahkan definisi mereka tentang PBK sebagai satu program latihan kerja dan pengalaman kerja yang dirancang termasuk latihan yang berkaitan dengan pra pekerjaan dan kemahiran bekerja serta menguasai secara progresif pada tahap tinggi seterusnya diselaraskan dengan pembelajaran berasaskan sekolah, relevan dengan kerjaya yang luas dan penganugerahan sijil kemahiran. Kemahiran harus meliputi kecekapan di tempat kerja secara menyeluruh, meliputi pengajaran dan dihubungkan dengan aktiviti yang memperkembangkan sikap positif bekerja, kebolehkeraan, pengajaran luas dan semua aspek dalam industri.

Sebuah lagi pertubuhan yang aktif menjalankan kajian berkenaan dengan PBK ialah Office of Technology Assessment (1995), pertubuhan ini mendefinisikan PBK sebagai pembelajaran hasil daripada pengalaman kerja yang dirancang untuk menyumbang terhadap perkembangan intelek dan kerjaya pelajar. Pengalaman kerja hendaklah ditambah dengan aktiviti tambahan seperti peneguhan, menambahbaik atau memanjangkan masa pembelajaran semasa kerja, dengan itu pelajar dapat memperkembangkan tingkah laku, pengetahuan, kemahiran kerana ianya tidak akan berkembang hanya dengan pengalaman kerja semata-mata.

2.3 Konsep Asas PBK

Jarratt and Coates (1995) menyatakan bahawa kebanyakan budaya positif dalam dunia pendidikan sejak akhir-akhir ini lebih menjurus kepada pembelajaran sepanjang hayat. Mereka percaya bahawa kaedah pembelajaran sepanjang hayat menjadi kunci utama menempatkan diri dalam bidang pekerjaan dan teknologi. Konsep pendidikan sepanjang hayat telah meluaskan konsep pembelajaran tradisional termasuk pembelajaran di rumah, tempat kerja dan dalam komuniti masyarakat. PBK juga lahir daripada cabang dan ideologi Pembelajaran Sepanjang Hayat dan mempunyai perkaitan. PBK di Kolej Komuniti diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat. David Johnson (2001) mengatakan PBK adalah langkah kearah pembangunan secara profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat. Manakala, National Center for Research in Vocational Education (1997) menyimpulkan bahawa Pembelajaran Sepanjang Hayat sebagai langkah persediaan kepada masa depan pekerjaan. Persatuan ini mengungkapnya sebagai “kanak-kanak mempelajari sesuatu daripada tangan kanan ayah atau lutut ibu mereka.” Tetapi latihan atau pembelajaran seperti ini adalah kepuasan sementara untuk generasi kerana biasanya ianya menunjukkan tanda penghadan, seperti pendedahan terhadap terhadap pelbagai jenis pekerjaan dan kurang pilihan pekerjaan, ianya menyempitkan masa depan pelajar. Daripada dua pernyataan tersebut, PBK merupakan satu kaedah pembelajaran yang berbeza dengan kaedah pembelajaran tradisional yang lain kerana ianya lebih mendedahkan pelajar kepada situasi dan reality sebenar alam pekerjaan.

National Center for Research in Vocational Education (1997) menyatakan lagi bahawa, sekitar 19 atau 20 negara telah menggunakan kaedah Pembelajaran Berasaskan Sekolah atau pembelajaran kelas sebagai latihan asas untuk masa depan pekerjaan tetapi penyelidik dalam bidang pendidikan telah menemukan satu kaedah pembelajaran yang baru kerana Pembelajaran Berasaskan Sekolah sahaja tidak mencukupi untuk menghadapi persaingan dalam bidang pekerjaan sebenar. Lewat 1900-an, Pembelajaran Berasaskan Kerja telah mendapat bantuan dana daripada kerajaan persekutuan Amerika Syarikat untuk membantu dalam memulakan dan memajukan program ini. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom begitu serius untuk membangunkan program PBK dan bertahan sehingga ke hari ini dengan pelbagai penambahbaikan dan pembaharuan. Perkara ini berlaku

kerana PBK telah membuktikan sumbangannya yang besar dalam sistem pendidikan dan pembangunan modal insan di negara-negara tersebut sehinggakan program PBK bertahan melebihi seratus tahun.

Stasz dan Brewer (1998) bersetuju supaya Pembelajaran Berasaskan Kerja diselaraskan dengan aktiviti sekolah secara berterusan dan berkembang, tetapi belum ada penilaian kualiti terhadap pengalaman pembelajaran. The National Study of School-To-Work Initiatives (1995) menyatakan bahawa kebanyakan program vokasional yang ditawarkan berbentuk pengalaman kerja sebenar atau maya, tetapi bagi memastikan kejayaan PBK, ianya memerlukan lebih dari sekadar meletakkan pelajar dalam suasana kerja sebenar. Kedua pernyataan tersebut membuktikan bahawa PBK sentiasa memerlukan penyelidikan demi penyelidikan dari masa ke semasa dengan tujuan menambahbaik sistem PBK yang sedia ada serta ianya sentiasa relevan dengan peredaran zaman. Perkara tersebut sepatutnya dicontohi oleh negara kita supaya modal insan negara dapat diperkasakan.

Tetapi malangnya perkara tersebut tidak berlaku kerana bagi kita di Malaysia, istilah Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning*) adalah sesuatu yang asing dan jarang didengar dalam sistem pembelajaran, malah tidak keterlaluan jika penyelidik mengatakan masih ramai yang tidak pernah mendengar tentang program pembelajaran ini kerana sebelum memulakan kajian, penyelidik telah menemubual beberapa orang individu tentang Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan ramai yang tidak mengetahui tentangnya. Situasi tersebut membuktikan program PBK belum popular di kalangan masyarakat Malaysia. Penyelidik juga tidak banyak menemukan jurnal yang ditulis oleh ahli akademik di Malaysia tentang Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK), Tetapi di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan United Kingdom PBK telah popular dan buktinya telah banyak jurnal dan penyelidikan yang dilakukan oleh ahli akademik terhadap sistem PBK. Semuanya dikupas penyelidik pada peringkat seterusnya.

2.4 Kelebihan Program Pengajian PBK

Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada dan sebagainya telah mengadaptasikan kaedah pengajian PBK dalam pelbagai peringkat sistem pendidikan kerana mereka telah menyedari betapa pentingnya kaedah pengajian PBK ini. Menurut Bargeson (2008), beberapa kepentingan jelas yang tercapai melalui PBK iaitu, pertamanya ialah pelajar berpeluang untuk meningkatkan kemahiran “*employability*” di samping mengaplikasikan dan menggandakan pengetahuan dari aspek akademik dan teknikal. Kedua, menyediakan pengalaman pembelajaran berasaskan kompeten (*competency-based learning*) dengan mengintegrasikan pembelajaran bilik darjah dan pengalaman bekerja dan ketiga, memberikan pendedahan, pengalaman dan latihan kerjaya yang spesifik mengikut pilihan atau minat pelajar.

Berdasarkan tiga kepentingan yang diperolehi dalam PBK, pelajar adalah golongan yang banyak menerima manfaat daripada pengalaman dalam PBK untuk menempuh alam pekerjaan. Benson (1997) menyatakan bahawa pengalaman dalam PBK membantu pelajar mengaplikasikan kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan dan dalam masa yang sama, pengalaman ini juga memberi peluang untuk membina tingkah laku atau sikap pelajar terhadap tanggungjawab yang akan dipikul di alam pekerjaan di samping mendidik semangat bekerjasama dalam satu kumpulan atau komuniti. Pernyataan daripada Bargeson (2008) dan Benson (1997) dapat disimpulkan bahawa PBK merupakan satu sistem pembelajaran yang menghuraikan segala keperluan sebagai seorang pekerja dan keperluan tersebut perlu dilalui pelajar PBK melalui pembelajaran kuliah dan aplikasi dalam lapangan kerja sebenar.

Satu kajian tentang PBK yang telah dijalankan di Amerika Syarikat adalah sesuatu yang amat mengujakan kerana kajian yang dijalankan oleh Swail dan Kampits (2004) menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar yang mengikuti program pengajian PBK adalah lebih baik daripada pelajar yang mengikuti program pengajian yang biasa. Kajian kedua ahli akademik ini juga mendapat maklum balas sebanyak 75 peratus di kalangan pelajar menyatakan pembelajaran teori dan kemahiran melalui program PBK adalah lebih baik berbanding dengan menjalani pembelajaran kaedah tradisional iaitu pembelajaran kuliah. David Johnson (2001) pula berpendapat PBK banyak mendatangkan kebaikan kepada tiga golongan yang terlibat dengan PBK iaitu institusi pendidikan, pelajar dan majikan. Menurut beliau,

pelajar yang mengikuti program PBK dapat mengikuti pembelajaran yang sentiasa relevan dengan pasaran kerja semasa kerana PBK menggabungkan pembelajaran di bilik kuliah dengan latihan di industri. Dari sudut institusi pendidikan PBK mampu memacu pelbagai jenis pengetahuan, berkerja dengan penuh motivasi, penyelidikan dan memperolehi pelbagai faedah melalui hubungan kerjasama dengan pihak industri. Bagi majikan pula, melalui program PBK mereka mampu melahirkan pekerja yang berkualiti berdasarkan acuan mereka sendiri yang boleh menyumbang kepada pembangunan industri.

Walaupun bagaimanapun, ada yang berpendapat bahawa program PBK hanya sesuai untuk golongan yang tidak terikat dengan pusat pengajian tinggi. Tetapi Wonacot (2002) menyangkal pendapat ini dan menyatakan bahawa program PBK adalah mendatangkan banyak kebaikan serta kelebihan kepada semua golongan yang terlibat terutamanya pelajar dan majikan. Beliau berpendapat bahawa program PBK membantu pelajar untuk menjelaskan matlamat mereka, meluaskan pilihan pelajar dalam bidang kerjaya, membantu mengembang tahap keyakinan diri dan menawarkan peluang kemahiran yang mengukuhkan pengajaran akademik.

2.5 Cabaran Utama dalam Pelaksanaan PBK

Menurut David Johnson (2001), cabaran yang biasanya wujud dalam pelaksanaan PBK di antaranya adalah daripada segi hubungan dua hala diantara institusi pendidikan dengan majikan. Mewujudkan situasi yang menguntungkan kedua belah pihak merupakan satu cabaran dalam PBK. National center for Research in Vocational Education (1997) juga mempunyai pendapat yang sama. Persatuan ini menyatakan bahawa cabaran utama dalam PBK kerana ianya bukan hanya melibatkan institusi pendidikan tetapi juga melibatkan pihak majikan yang berada di luar kepompong institusi pendidikan. Masalah yang biasanya berlaku adalah untuk memastikan majikan memberikan komitmen yang terbaik dalam kerjasama PBK.

Jackson dan Wirt (1996) pula mengatakan bahawa ramai di kalangan majikan yang kurang jelas tentang kelebihan yang mampu diperolehi melalui kerjasama PBK. Perkara tersebut menyebabkan majikan kurang berminat dalam PBK. Penyataan tiga ahli akademik ini menjelaskan tentang masalah utama yang wujud dalam

pelaksanaan PBK iaitu hubungan dua hala diantara institusi pendidikan dan majikan. Majikan tidak memberikan komitmen terbaik dalam kerjasama PBK kerana mereka tidak jelas tentang kelebihan dan manafaat yang mampu diperolehi melalui PBK. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab pihak institusi pendidikan untuk menjelaskan kepada majikan supaya situasi menang-menang dapat diwujudkan dalam PBK. Diantara kaedah yang perlu digunakan untuk menarik minat majikan menyertai kerjasama dalam PBK ialah memberikan ganjaran, pengurangan kadar cukai dan sebagainya. Menurut Bargeson (2008), salah satu punca majikan kurang berminat menjalinkan kerjasama dalam PBK adalah disebabkan kos melatih dan mengajar yang tinggi. Majikan yang merupakan di kalangan syarikat dan ahli perniagaan sememangnya mementingkan keuntungan dan terlalu sukar bagi majikan untuk mengeluarkan kos yang tinggi semata-mata untuk mengajar dan melatih pelajar PBK.

2.6 Faktor Keberkesanan Pelaksanaan PBK

Lewis (1997) menemukan beberapa langkah penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan PBK. Pertama, satu strategi menyeluruh perlu dirangka dan dihubungkan dengan setiap tahap dalam PBK. Kedua, melibatkan majikan sebagai rakan kongsi dengan institusi pendidikan. Ketiga, program berkesan memerlukan tanggungjawab di semua peringkat, dari semua yang terlibat dengan PBK termasuk pihak sekolah, badan perniagaan, institusi pendidikan, rakan komuniti dan ibu bapa. Keempat, program yang dirancang harus menyediakan pelajar asas yang kuat terhadap maklumat kerjaya dalam satu rancangan kursus yang teratur melalui sekolah. Kelima, program PBK berkesan dan mencapai serta menggalakkan integrasi akademik dan pembelajaran vokasional. Bagi David Johnson (2001), pelajar institusi pendidikan dan majikan perlu memastikan peranan mereka dilaksanakan bagi memastikan kejayaan PBK.

Rajah 2.1 menunjukkan satu model pelaksanaan PBK daripada Oregon dalam Vermont (1998). Hubungan dua hala diantara industri dan institusi pendidikan serta setiap yang terlibat secara langsung atau tidak dengan PBK adalah amat penting untuk menjayakan program PBK (Vermont, 1998). Ojala (1994) menyatakan